

29 APR 1997

MAHATHIR RASMI KONGRES KEBANGSAAN WAWASAN 2020

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 di Bandar Sunway dekat sini, yang pertama sejak Perdana Menteri mengumumkan wawasan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, kira-kira enam tahun lepas.

Antara mereka yang hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri kabinet, menteri besar dan ketua menteri.

Kongres dua hari itu anjuran bersama Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (Isis), Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Unit Perancang Ekonomi serta Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri.

Kongres itu di bawah naungan Majlis Perniagaan Malaysia yang mesyuarat pertamanya pada 1991 menjadi tempat Perdana Menteri membuat pengumuman mengenai Wawasan 2020.

Ia akan membincangkan cabaran dan strategi bagi 23 tahun akan datang sehingga tahun 2020 dan mengenalpasti bidang-bidang masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan wawasan itu serta mencari jalan menanganinya.

Pada majlis perasmian itu yang dihadiri kira-kira 800 peserta, Dr Mahathir menyampaikan ucap utama mengenai "Wawasan 2020: Arah Masa Depan."

Ia akan diikuti dengan sembilan sesi perbincangan tertutup oleh para peserta jemputan yang mewakili kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan belia dan wanita serta wakil-wakil parti pemerintah dan pembangkang.

Antara pemedato di kongres itu ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud. --

BERNAMA

AH RON